

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : Dato' Haji Abdul Rahman bin
Haji Mohamad [LIPIS]**

TARIKH : 11.11.2014 (SELASA)

NO. SOALAN : 29

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan tindakan Kementerian bagi membantu Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) menjayakan segala agenda dan dasar Kerajaan untuk memartabatkan industri getah ke peringkat lebih tinggi. Ini penting kerana harga getah tidak menentu sekarang ini dan menyebabkan penoreh getah menderita.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Pelaksanaan agenda dan dasar untuk memartabatkan industri getah ke peringkat lebih tinggi adalah di bawah skop tanggungjawab Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK) dan Lembaga Getah Malaysia (LGM). Selain itu, LGM juga berperanan sebagai Jawatankuasa Kajian Harga Getah untuk pengkajian penetapan harga getah *Freight on Board* (FOB).

RISDA adalah sebagai agensi yang menumpukan kepada **kemajuan komuniti pekebun kecil** dan bertanggungjawab membantu komuniti pekebun kecil berikutan penurunan harga getah dengan menjalankan aktiviti-aktiviti lain seperti berikut :

- a. **mengurangkan harga benih;**
- b. memberi bantuan alat torehan melalui **Program Pengekalan Produktiviti Getah (PPG)** serta bahan rangsangan lateks, cuka pembeku getah dan baja melalui **Skim Insentif Produktiviti Getah (SIPG);**
- c. memendekkan rantai pemasaran melalui **Program Pembangunan Infrastruktur Pemasaran (PIP);**
- d. meluaskan **Prasarana Asas Pertanian (PAP)** seperti jalan pertanian dan sistem perparitan;
- e. mengalakkan ***Good Agricultural Practices (GAP);***
- f. memperkenalkan ***Low Intensity Tapping System (LITS)*** atau **Sistem Torehan Kekerapan Rendah;**
- g. mengalakkan **Program Tanam Semula Getah ke Tanaman Lain (TSGL);**
- h. melatih usahawan baru melalui **Program Keusahawanan;**
- i. menggiatkan **Aktiviti Ekonomi Tambahan;**

- j. meningkatkan agihan dividen melalui **Syarikat Milikan RISDA**;
- k. melaksanakan **Program Bantuan Sara Hidup Pekebun Kecil (SHPK)**; dan
- l. pemberian **Bantuan Khas Kejatuhan Harga Getah atau BKKH 2.0** kepada seramai 260,000 orang pekebun kecil.